

12/06/2001

Kenaikan tambang domestik MAS wajar: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kenaikan kadar tambang domestik Penerbangan Malaysia (MAS) wajar kerana syarikat itu kini terpaksa memberi subsidi tambang hingga mengalami kerugian.

Sambil menyatakan kenaikan tambang itu sedang dikaji, Perdana Menteri berkata tidak adil syarikat awam dibebani dengan tanggungan subsidi yang sepatutnya dipikul kerajaan supaya kadar tambang domestik kekal rendah.

Beliau berkata, rakyat perlu sedar bahawa kadar tambang domestik di Malaysia jauh lebih rendah berbanding negara jiran, iaitu satu per tiga daripada kadar tambang domestik di Indonesia.

"Ia benar-benar satu bebanan terhadap syarikat penerbangan itu. Mereka rugi berjuta-juta dolar kerana tambang domestik," katanya selepas melancarkan buku sejarah 25 tahun Petronas bertajuk A Vision Realised: The Transformation Of A National Oil Corporation di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar Business Times hari ini bahawa kerajaan sudah bersetuju membenarkan MAS menaikkan tambang domestik bagi sektor Semenanjung di antara 10 dan 30 peratus dalam masa dua bulan.

Bagaimanapun, kenaikan tambang 10 peratus bagi kelas ekonomi dan 30 peratus bagi kelas pertama dan perniagaan itu tidak membabitkan sektor Sabah dan Sarawak.

Kenaikan kadar tambang itu akan membolehkan sektor domestik MAS beroperasi tanpa kerugian untuk tahun kewangan semasa yang berakhir pada 31 Mac 2002.

MAS dikatakan menanggung kerugian kira-kira RM320 juta setahun bagi sektor domestik kerana kos operasi yang tinggi, selain pengurusan laluan yang tidak cekap.

Sementara itu, sumber Kementerian Kewangan memberitahu Berita Harian bahawa kelulusan kenaikan tambang itu sudah diberikan kepada MAS.

Mengenai laporan berhubung pemberian kontrak pembinaan bernilai RM200 juta dalam projek Empangan Hidroelektrik Bakun kepada Tan Sri Ting Pek Khiing, Perdana Menteri berkata kerajaan belum membuat sebarang keputusan.

Bagaimanapun, katanya, sesiapa saja yang membuat tawaran yang baik wajar mendapat kontrak daripada kerajaan.

Dr Mahathir berkata, tidak adil untuk kerajaan mendiskriminasi mana-mana ahli perniagaan hanya kerana beliau seorang yang kontroversi pada satu masa dulu.

"Jika dia melakukan kesalahan, kita akan ambil tindakan. Jika dia tidak melakukan kesalahan, sebaliknya mahu melakukan sesuatu yang memanfaatkan kita, saya rasa kita patut menilainya berdasarkan keupayaan, bukan sejarah," katanya.

Kontrak bernilai RM200 juta itu adalah bagi pembinaan empangan kekotak yang menjadi sebahagian daripada keseluruhan projek bernilai RM9 bilion.

Projek Empangan Hidroelektrik Bakun pada mulanya diberikan kepada Bakun Hydroelectric Corp Bhd yang mana Ting, menerusi syarikat miliknya Ekran Bhd, menguasai 32 peratus ekuiti.

(END)